

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1<sup>st</sup>. Semester Examination  
2003/2004 Academic Session

September / October 2003

**EUP 301/3 – Engineering Management**  
*EUP 301/3 – Pengurusan Kejuruteraan*

Duration : 3 hours  
*Masa: 3 jam*

---

**Instructions to candidates:**

**Arahan kepada calon:**

1. Ensure that this paper contains **FIFTEEN (15)** printed pages.  
*Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMABELAS (15)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*
2. This paper contains **SEVEN (7)** questions and is divided into FOUR (4) parts; PART A, B, C and D.  
*Kertas ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan dan dibahagi kepada EMPAT (4) bahagian iaitu BAHAGIAN A, B, C dan D.*
3. Answer **FIVE (5)** questions only. Answer question No.1 from Part A (compulsory question) and any **FOUR (4)** from Part B, C and D but at least **ONE (1)** question from each part.  
*Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. Jawab soalan No.1 di Bahagian A (soalan wajib) dan mana-mana **EMPAT** soalan dari Bahagian B, C dan D tetapi sekurang-kurangnya **SATU (1)** soalan dari tiap-tiap bahagian. Anda dikehendaki menyerahkan kertas jawapan di muka surat terakhir (iaitu bagi soalan no. 1) bersama-sama dengan buku jawapan anda.*
4. Write the answered question numbers on the cover sheet of the answer script.  
*Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.*
5. The use of non-programmable calculators is allowed.  
*Penggunaan mesinkira tanpa program boleh digunakan.*

**PART A (Compulsory Question)**  
**BAHAGIAN A (Soalan Wajib)**

1. (i) Which of the following is not an example of a specific environmental factor?

*Yang manakah di antara berikut bukan merupakan contoh faktor persekitaran yang khusus?*

- (a) supplier (*pembekal*)
- (b) political situation (*keadaan politik*)
- (c) customer (*pelanggan*)
- (d) government agencies (*agensi-agensi kerajaan*)
- (e) non-governmental organization (*organisasi bukan kerajaan*)

- (ii) An organization such as hospital that requires nurses, workers union and local labor markets are examples of specific environmental factors with regard to .....

*Sebuah organisasi seperti hospital yang memerlukan jururawat, kesatuan pekerja dan pasaran buruh tempatan merupakan jenis-jenis contoh faktor persekitaran yang khusus mengenai .....*

- (a) non-governmental organizations and suppliers (*organisasi bukan kerajaan dan pembekal*)
- (b) customers and non-governmental organizations (*pelanggan dan organisasi bukan kerajaan*)
- (c) both are suppliers (*kedua-duanya adalah pembekal*)
- (d) government agencies and competitors (*agensi-agensi kerajaan dan pesaing*)
- (e) non-governmental organizations and competitors (*organisasi-organisasi bukan kerajaan dan pesaing*)

- (iii) If given ....., human will perform a task better because this will identify the difference between something that was done with what that he wishes to do.

*Manusia akan membuat sesuatu kerja dengan lebih baik apabila diberi .....kerana ini akan mengenalpasti perbezaan di antara apa yang telah dilakukan dengan apa yang mereka hendak lakukan.*

- (a) input (*input*)
- (b) objective (*matlamat*)
- (c) fairness (*keadilan*)
- (d) power (*kuasa*)
- (e) feedback (*maklum balas*)

- (iv) According to a study, which of the following is the main reason that makes a worker maintain his career at an organization?

*Mengikut satu kajian, yang manakah di antara berikut merupakan sebab paling utama seseorang pekerja itu terus mengekalkan kerjayanya di sesuatu organisasi?*

- (a) good working environment (*persekitaran kerja yang baik*)
- (b) easy transportation (*pengangkutan yang mudah*)
- (c) competitive job (*kerja yang mencabar*)
- (d) they like their co-workers (*mereka sukaan rakan-rakan sekerja mereka*)
- (e) flexible working hours (*masa kerja yang fleksibel*)

- (v) Which of the following is a technique to reduce resistance to a proposal on a change that is based on the understanding that if a worker is provided with clear facts and explanations, they will not resist to the proposed change?

*Yang manakah di antara berikut merupakan teknik untuk mengurangkan tentangan kepada cadangan sesuatu perubahan yang berdasarkan kepada kefahaman bahawa jika pekerja menerima fakta dan penjelasan dengan jelas, mereka tidak akan menentang cadangan perubahan itu?*

- (a) education and communication (*pendidikan dan komunikasi*)
- (b) self involvement (*penglibatan diri*)
- (c) instrumental support (*sokongan peralatan*)
- (d) negotiation (*rundingan*)
- (e) surrender without resistance (*penyerahan tanpa tentangan*)

- (vi) Which of the following is true about stress?

*Yang manakah di antara berikut adalah benar mengenai stress?*

- (a) it is a static situation (*ia adalah satu keadaan yang statik*)
- (b) it is a negative reaction towards external forces (*ia adalah reaksi berbentuk negatif terhadap kuasa luaran*)
- (c) it is normally associated with constraints and demands (*ia sering dikaitkan dengankekangan dan permintaan*)
- (d) it limits achievement (*ia menghadkan pencapaian*)
- (e) it is not related to opportunity (*ia tidak ada kaitan dengan peluang*)

- (vii) Which of the following is true about stress that is created out of the lifestyle of a worker?

*Yang manakah di antara berikut adalah benar mengenai stress yang wujud hasil daripada gaya hidup seorang pekerja?*

- (a) a manager should give advice (*seorang pengurus patut memberi nasihat*)
- (b) a manager who understand that his workers can help to control the causes of their stress (*seorang pengurus yang memahami pekerja-pekerjanya boleh membantu mengawal penyebab-penyebab stress pekerja*)
- (c) the involvement of the management can alleviate those issues associated with work ethics (*penglibatan pihak pengurusan boleh meningkatkan hal-hal yang berkaitan dengan etika kerja*)
- (d) a manager who is considerate can be an effective counselor (*seorang pengurus yang bertimbang rasa boleh menjadi seorang kaunselor yang berkesan*)
- (e) there is nothing that could be done by an organization to reduce the causes of the workers' stress (*tidak ada apa yang boleh dilakukan oleh sesebuah organisasi untuk mengurangkan penyebab-penyebab stress pekerja*)

- (viii) Effective team members or work groups should possess the following characteristics to stay continuously flexible and always make amendments.

*Ahli-ahli pasukan atau kumpulan kerja yang berkesan sepatutnya mempunyai ciri-ciri berikut supaya terus fleksibel dan sering membuat pembaharuan.*

- (a) have a clear work description (*mempunyai deskripsi tugas yang jelas*)
- (b) have formal documentation (*mempunyai dokumentasi yang formal*)
- (c) have negotiation skills (*mempunyai kepakaran berunding*)
- (d) continuously maintain his post (*terus mengekalkan jawatannya*)
- (e) based on static but clear roles (*berpandukan peranan yang statik tapi jelas*)

- (ix) The role of a leader associated with effective teamwork is:

*Peranan seorang pemimpin yang dikaitkan dengan kerja berpasukan yang berkesan ialah:*

- (a) salesperson (*jurujual*)
- (b) directive (*memberi arahan*)
- (c) controlling (*mengawal*)
- (d) cooperative (*berkerjasama*)
- (e) facilitator (*pemudahcara*)

- (x) According to Maslow's motivational theory, enjoying friendship with co-workers actually satisfies ..... needs.

*Menikmati persahabatan yang amat baik sesama pekerja sebenarnya memenuhi kehendak ..... mengikut teori motivasi Maslow.*

- (a) physiological (*fisiologikal*)
- (b) esteem (*nilai diri*)
- (c) social (*sosial*)
- (d) self-actualization (*kepentingan diri*)
- (e) safety (*keselamatan*)

- (xi) From the viewpoint of economics, your university education can be classified as an investment in a factor of production. Which factor is the most appropriate?

*Dari sudut ekonomi, pendidikan universiti anda boleh diklasifikasikan sebagai suatu pelaburan dalam faktor pengeluaran. Faktor manakah paling sesuai?*

- (a) natural resources (*sumber asli*)
- (b) manpower (*tenaga pekerja*)
- (c) physical capital (*modal fizikal*)
- (d) intellectual capital (*modal intelek*)
- (e) entrepreneurship (*keusahawanan*)

- (xii) Which of the following questions is outside the scope of economics?

*Yang manakah daripada soalan-soalan berikut adalah di luar skop ekonomi?*

- (a) What is the likely impact of the water issue of Singapore to Malaysia? (*apakah kesan air Singapura terhadap Malaysia?*)
- (b) When a semiconductor factory closes in Penang, who is most likely to be out of work for a long time? (*apabila sebuah kilang semikonduktor ditutup di Pulau Pinang, siapakah yang tidak bekerja untuk masa yang panjang?*)
- (c) When you graduate from university, how might you best go about choosing a job? (*bila anda menjadi graduan universiti, bagaimakah cara terbaik bagi anda memilih pekerjaan?*)
- (d) How should society balance the needs of the environment against the needs of industry? (*bagaimakah sepatutnya masyarakat mengimbangi keperluan persekitaran terhadap keperluan industri?*)
- (e) None of the above as all are within the scope of economic study (*tiada satu pun di atas kerana semuanya adalah di dalam skop pembelajaran ekonomi*).

- (xiii) The study of economics is generally divided into two major sub-divisions; macroeconomics and microeconomics. Which statement is correct about the division?

*Pembelajaran ekonomi pada umumnya dibahagikan kepada dua sub-bahagian yang utama; ekonomi mikro dan ekonomi makro. Manakah kenyataan yang betul tentang pembahagian ini?*

- (a) Macroeconomics deals with unemployment, inflation, budget deficit and trade deficit (*ekonomi makro adalah berkaitan dengan pengangguran, inflasi, belanjawan defisit dan perdagangan defisit*)
- (b) Macroeconomics deals only with individual markets (*ekonomi makro hanya berkaitan dengan pasaran individu*)
- (c) All the topics in macroeconomics are bigger than those in microeconomics (*kesemua topik dalam ekonomi makro adalah lebih besar daripada yang terdapat dalam ekonomi mikro*)
- (d) Microeconomics is limited to the study of individual choices while macroeconomics deals with group decisions (*ekonomi mikro adalah terhad kepada pengajian pilihan individu sementara ekonomi makro pula berkaitan dengan keputusan kumpulan*)
- (e) Macroeconomics only deals with prices (*ekonomi makro hanya berkaitan dengan harga*).

- (xiv) Market systems are important because .....

*Sistem-sistem pasaran adalah penting kerana .....*

- (a) they facilitate exchange and specialization (*mereka membantu pertukaran dan pengkhususan*)
- (b) market cannot be self-sufficient (*pasaran tidak lengkap serba-serbi*)
- (c) exchange cannot take place without markets (*pertukaran tidak boleh berlaku tanpa pasaran*)
- (d) everyone pays the same amount in taxes (*setiap orang membayar jumlah cukai yang sama*)
- (e) producers cannot specialize without markets (*para pengeluar tidak boleh mengkhusus tanpa pasaran*).

- (xv) Which of the following will NOT cause a shift in the demand curve for houses?

*Yang manakah di antara berikut TIDAK akan menyebabkan peralihan keluk permintaan untuk rumah?*

- (a) a change in income (*perubahan dalam pendapatan*)
- (b) a change in wealth (*perubahan dalam kekayaan*)
- (c) a change in the price of condominiums (*perubahan dalam harga kondominium*)
- (d) a change in the price of houses (*perubahan dalam harga rumah*).
- (e) a change in people's desire to live in houses rather than apartments (*perubahan dalam keinginan manusia untuk tinggal di rumah daripada apartmen*).

- (xvi) If wages of automobile workers increase, what will happen to the equilibrium price and quantity of automobiles?

*Jika upah para pekerja automobil meningkat, apa akan terjadi terhadap keseimbangan harga dan kuantiti automobil?*

- (a) Price will increase; quantity will increase (*harga akan meningkat; kuantiti akan meningkat*).
- (b) Price will increase; quantity will decrease (*harga akan meningkat; kuantiti akan berkurangan*).
- (c) Price will decrease; quantity will increase (*harga akan menurun; kuantiti akan meningkat*).
- (d) Price will decrease; quantity will decrease (*harga akan menurun; kuantiti akan berkurangan*).
- (e) There will be no effect on the market now (tiada kesan akan berlaku terhadap pasaran sekarang).





- (xvii) Import restrictions on iron would .....


*Sekatan impot terhadap besi akan .....*

- (a) decrease the demand for iron (*mengurangkan permintaan terhadap besi*).
- (b) increase the market price for iron (*meningkatkan harga pasaran bagi besi*).
- (c) affects the iron industry in the country imposing the restriction (*menjejaskan industri besi dalam negara yang mengenakan sekatan*).
- (d) at first, increase the supply of iron (*pada permulaannya, tingkatkan penawaran besi*).
- (e) increase the demand for iron (*tingkatkan permintaan terhadap besi*).

- (xviii) Technology improves, reducing the cost of producing computers. Which of the following shows the effect on the computer market?

*Penambahbaikan teknologi mengurangkan kos pengeluaran komputer. Yang manakah di antara berikut menunjukkan kesannya terhadap pasaran komputer?*





(xix) Which of the following is the best example of cyclical unemployment?

*Yang manakah di antara berikut merupakan contoh terbaik bagi pengangguran kitaran?*

- (a) You voluntarily quit your job and you're looking for a new one.  
*(Anda berhenti kerja secara sukarela dan anda sedang mencari pekerjaan baru).*
- (b) Computers have replaced typewriters, so the typewriter industry permanently lays off workers. These workers do not have the skills to get a job in the computer industry.  
*(Komputer telah menggantikan mesin taip, oleh itu industri mesin taip memberhentikan para pekerja secara kekal. Para pekerja kini tidak mempunyai kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan di dalam industri komputer).*
- (c) The airline industry has reduced flights during SARS problem, so it temporarily lays off workers.  
*(Industri penerbangan telah mengurangkan penerbangan semasa masalah SARS, jadi ia memberhentikan para pekerja untuk sementara waktu).*
- (d) You want a job and you have been looking for a long time without finding one, so you stop looking.  
*(Anda mahukan pekerjaan dan mencarinya untuk satu jangkamasa yang panjang tanpa memperolehi satu pun, maka anda berhenti mencarinya).*
- (e) You are employed part time at a construction firm, but you would prefer to work full time.  
*(Anda bekerja secara sambilan di sebuah firma pembinaan, tetapi anda lebih suka untuk bekerja sepenuh masa).*

(xx) Money functions as a store of value because .....

*Wang berfungsi sebagai penyimpan nilai kerana .....*

- (a) it eliminates the problem of wants (*ia menghapuskan masalah kehendak*)
- (b) its value is preserved between transactions (*nilainya dikekalkan di antara urusniaga*)
- (c) it can be used for exchanges (*ia boleh digunakan untuk pertukaran*)
- (d) prices are quoted in terms of money (*harga disebut dalam bentuk wang*)
- (e) money does not function as a store of value (*wang tidak berfungsi sebagai penyimpan nilai*).

(20 markah)

**PART B (BAHAGIAN B)**

2. (a) Managers are constantly faced with helping their workers deal with overcoming stress but many have not learned about how to manage their own stress.

With the help of a typical human function stress curve, explain your understanding of stress and its management.

(10 marks)

*Pengurus sering berdepan dengan keadaan di mana mereka perlu membantu pekerja-pekerja mereka mengatasi masalah stress tetapi hakikatnya mereka sendiri tidak pernah mempelajari cara-cara untuk mengurus masalah stress mereka sendiri.*

*Dengan bantuan lengkok stress fungsi manusia yang lazim, terangkan kefahaman anda mengenai stress dan pengurusannya.*

(10 markah)

- (b) A group of employees at a construction company were suspected to suffer from stress. After initial investigation, it was found that the causes of stress are work-related.

List down **TEN (10)** possible factors that could contribute to stress and for each, state the most appropriate action that could be taken to overcome such factors.

(10 marks)

*Sekumpulan pekerja di sebuah syarikat pembinaan telah disyaki mengalami stress. Selepas penyiasatan awal dijalankan, didapati bahawa sebab-sebab kewujudan stress adalah berkaitan dengan kerja.*

*Senaraikan **SEPULUH (10)** faktor yang boleh mencetuskan stress dan untuk tiap-tiap faktor tersebut, nyatakan tindakan paling sesuai yang boleh diambil untuk mengatasinya.*

(10 markah)

3. Manpower planning is an important aspect of the work of a Personnel Manager at an engineering company involved in the construction of various infrastructural projects.

(i) Explain in detailed the meaning of manpower planning.

( 5 marks)

(ii) Why is manpower planning important at the said company?

(15 marks)

*Perancangan gunatenaga pekerja merupakan salah satu cabang tugas terpenting seorang Pengurus Personel di sebuah syarikat kejuruteraan yang terlibat dengan pembinaan pelbagai projek infrastruktur.*

(i) *Terangkan secara terperinci maksud perancangan gunatenaga pekerja.*  
*( 5 markah)*

(ii) *Kenapakah perancangan gunatenaga penting di syarikat tersebut.*  
*(15 markah)*

4. Management is not an activity that exists in isolation. It is rather a description of a variety of activities carried out by those members of organizations whose role is that of a manager, i.e. someone who either has formed responsibility for the work of one or more persons in the organization, or who is accountable for specialist advisory duties in support of key management activities.

Explain in detail the groupings of management activities that could be a convenient way of describing most of the key aspects of the work of managers in practice in a construction firm.

*(20 marks)*

*Pengurusan bukannya suatu aktiviti yang wujud secara bersinggan. Ia sebenarnya menggambarkan kepelbagaian aktiviti yang dijalankan oleh ahli-ahli sesebuah organisasi yang berjawatan sebagai pengurus, iaitu seseorang yang dipertanggungjawabkan secara formal terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh seseorang pekerja atau pun lebih, dan seseorang yang ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja penasihat yang khusus sebagai menyokong aktiviti-aktiviti pengurusan yang utama di sesebuah organisasi.*

*Terangkan secara terperinci kelompok-kelompok aktiviti pengurusan yang boleh menjelaskan secara mudah aspek-aspek utama tugas seorang pengurus di sebuah firma pembinaan.*

*(20 markah)*

**PART C (BAHAGIAN C)**

5. (a) Apabila peraturan kerajaan digunakan untuk mengawal harga atau menghadkan perubahan harga dalam sesbuah industri, firma-firma dalam industri cuba bersaing berdasarkan bukan faktor harga. Berikan contoh-contoh persaingan bukan harga yang terdapat dalam industri kejuruteraan apabila mereka tertakluk dengan ketat terhadap peraturan kerajaan. Anda boleh memilih aktiviti-aktiviti kejuruteraan dalam industri tertentu berdasarkan senario yang diberi. Nyatakan jawapan anda dengan penggunaan gambar rajah permintaan dan penawaran.

(10 markah)

*When government regulations were used to either controls prices or limits changes in a particular industry, the firms in the industry try to compete on a basis other than price. Give examples of this non-price competition that occurred in the engineering industry when they were more heavily subjected to government regulations. You may select engineering activities in a specific industry based on the given scenario. Illustrate your answers with the use of a supply-and-demand diagram.*

(10 marks)

- (b) Anda terdengar kenyataan ini di kafetaria ibu pejabat korporat sebuah syarikat pengeluaran yang besar: "Pesaingan dalam persekitaran sangat menggugat kita dengan lini produk baru mereka. Saya fikir kita sepatutnya menawarkan diskaun terhadap produk kita bagi menggalak permintaan dalam pasaran".

Adakah anda bersetuju dengan kenyataan ini? Jelaskan. Nyatakan jawapan anda dengan penggunaan gambar rajah permintaan dan penawaran.

(10 markah)

*You overheard this statement at the cafeteria in the corporate headquarters of a large manufacturing company: "The competition is really threatening us with their new product line. I think we should consider offering discounts on our current products in order to stimulate demand in the market".*

*Do you agree with this statement? Explain. Illustrate your answer with the use of a supply-and-demand diagram.*

(10 marks)

**PART D (BAHAGIAN D)**

6. (a) You can generate a successful marketing strategy based on manipulating the ‘strategic variables’, or marketing mix. Select a company or a product and use the strategic variables to demonstrate why the company or the product was successful or unsuccessful due to the marketing mix it adopted.

(6 marks)

*Anda boleh menjana suatu strategi pemasaran yang berjaya berdasarkan manipulasi ‘pembolehubah-pembolehubah strategik’, atau campuran pemasaran. Pilih sebuah syarikat atau satu produk dan gunakan pembolehubah-pembolehubah strategik untuk menunjukkan mengapa syarikat atau produk tersebut telah berjaya atau tidak berjaya oleh kerana campuran pemasaran yang digunakan.*

(6 markah)

- (b) Based on the company or the product that you have selected above, explain the elements of marketing environment that have been noted as important variables in company or product success.

(6 marks)

*Berdasarkan syarikat atau produk yang telah anda pilih di atas, terangkan elemen-elemen dalam persekitaran pemasaran yang anda telah kenalpasti sebagai pembolehubah-pembolehubah yang penting dalam kejayaan produk atau syarikat.*

(6 markah)

- (c) You work as a marketing engineer for an industrial marketing research firm in Penang. You and your team are given an assignment that requires you to obtain competitive information in marketing a new hand phone with scanning facilities, so marketing research is important in this assignment.

Explain to your team members the type of marketing research and the activities involved.

(8 marks)

*Anda bertugas sebagai seorang jurutera pemasaran untuk sebuah firma penyelidikan pemasaran perindustrian di Pulau Pinang. Anda dan kumpulan anda diberi satu tugas yang memerlukan anda mendapatkan maklumat yang kompetitif dalam memasarkan sebuah telefon bimbit baru dengan kemudahan pengimbas.*

*Terangkan kepada ahli-ahli kumpulan anda jenis-jenis penyelidikan pemasaran dan aktiviti-aktiviti yang terlibat.*

(8 markah)

7. (a) An individual may buy a handful of light bulbs for his or her home, but the same buyer making purchases for a large company might require light bulbs numbering in the hundreds or even thousands.

Explain the levels required for organizational purchase.

(6 marks)

*Seorang individu mungkin membeli sebilangan mentol lampu untuk rumah beliau, tetapi pembeli yang sama yang membuat pembelian untuk sebuah syarikat yang besar mungkin memerlukan mentol lampu dalam jumlah ratusan atau ribuan.*

*Terangkan peringkat-peringkat yang perlu dilalui bagi pembelian berorganisasi.*  
*(6 markah)*

- (b) Both behaviors of individual consumer buyer and organizational buyer are complex and must be analyzed by the marketing engineer to take advantage of the opportunities and to avoid the threats in the marketing situation.

Based on this scenario, explain the characteristics of organizational purchasing behavior as compared with the individual purchasing behavior.

(6 marks)

*Kedua-dua perlakuan pembelian pengguna individu dan perlakuan pembelian organisasi adalah kompleks dan mestilah dianalisa oleh jurutera pemasaran bagi mengambil peluang dan mengelak ancaman dalam keadaan pemasaran.*

*Berdasarkan senario ini, terangkan ciri-ciri perlakuan pembelian berorganisasi berbanding dengan perlakuan pembelian individu.*

*(6 markah)*

- (c) Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) is targeting to sell 3000 units of its cars a year in Iran and will be looking at the feasibility of turning the country into a gateway for Proton cars into the Middle East. In order to achieve these goals, a strong marketing strategy needs to be generated.

Explain the stages for developing a marketing strategy for PROTON based on this scenario.

(8 marks)

*Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) mensasarkan bagi menjual 3000 unit keretanya setahun di Iran dan melihat kemungkinan untuk menjadikan negara tersebut sebagai gerbang kemasukan kereta Proton ke Timur Tengah. Bagi mencapai matlamat ini, satu strategi pemasaran yang kukuh perlu dijana.*

*Terangkan peringkat-peringkat pembentukan strategi pemasaran bagi PROTON berdasarkan senario ini.*

*(8 markah)*

**EUP 301/3 – PENGURUSAN KEJURUTERAAN  
(ENGINEERING MANAGEMENT)**

**BAHAGIAN A (PART A)**

**SOALAN NO. 1 (QUESTION NO. 1)**

**Sila bulatkan jawapan yang betul.**  
**(Please circle the right answer).**

**Angka Giliran: .....**

(i)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(ii)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(iii)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(iv)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(v)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(vi)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(vii)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(viii)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(ix)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(x)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xi)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xii)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xiii)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xiv)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xv)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xvi)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xvii)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xviii)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xix)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
(xx)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)

**Catatan: Serahkan kertas jawapan ini bersama-sama dengan buku jawapan anda.**  
**Note: Submit this answer script together with the answer book).**